

2 MAR 1996

ASEM-Mahathir

PM LEBIH YAKIN DENGAN KEJAYAAN ASEM

Oleh: K.C.Leong dan Ahmad Zukiman Zain

BANGKOK, 2 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau kini lebih yakin terhadap kejayaan perkongsian baru Asia-Eropah berikutan tamatnya sidang kemuncak antara ketua-ketua kerajaan dari dua benua itu.

Ini kerana Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) pertama yang berakhir di sini berjaya menghasilkan idea "yang boleh dilaksanakan," kata Perdana Menteri pada satu persidangan berita di Pusat Konvensyen Queen Sirikit (QSNCC), tempat persidangan dua hari itu berlangsung.

Beliau membandingkan ini dengan forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) yang katanya lebih menumpukan kepada dasar-dasar berbanding projek.

Sebagai contoh, katanya cadangan ASEM untuk memajukan lagi projek landasan kereta api Singapura ke Kunming dengan menyambungkannya ke Beijing dan kemudian ke barat melalui landasan kereta api merentasi Siberia ke Eropah.

Dengan Apec, idea seperti itu hanya boleh dilaksanakan melalui terowong di bawah lautan Pasifik, katanya disambut ketawa para wartawan yang memenuhi bilik persidangan itu, yang merupakan bilik lebih luas daripada ruang asal 100 tempat duduk yang dikhaskan untuk persidangan berita itu untuk memenuhi permintaan para wartawan terutama daripada media barat yang mahu turut serta menghadirinya.

Dr Mahathir berkata beliau juga digalakkan dengan nada dan suasana perbincangan pada pertemuan bersejarah itu yang mengumpulkan para pemimpin dua daripada tiga rantau penting ekonomi di dunia -- Eropah Barat dan Asia Timur.

Sidang kemuncak itu dihadiri oleh para pemimpin 10 negara Asia terdiri daripada tujuh anggota Asean, China, Jepun dan Korea Selatan serta 15 negara anggota Kesatuan Eropah (EU).

Perdana Menteri berkata para pemimpin Eropah secara terbuka mengakui bahawa Asia Timur berkembang lebih pesat berbanding Eropah dan bahawa rakyat Asia lebih mengetahui mengenai Eropah berbanding sebaliknya.

Ini seterusnya katanya telah membawa kepada penerimaan sebulat suara projek universiti ASEM di Eropah dan Asia bagi menggalakkan pengetahuan mengenai rantau masing-masing dan menggalakkan rangkaian yang boleh membekalkan pengetahuan kepada para pemimpin masa depan dan mengadakan hubungan dengan rantau lain.

Mengulas tema sidang kemuncak itu "Satu perkongsian baru yang menyeluruh ke arah pertumbuhan yang lebih besar" berasaskan persamaan dan hormat-menghormati, Dr Mahathir berkata beliau dapat merasakan kurangnya sikap merendah-rendahkan di pihak para pemimpin Eropah dalam berurusan dengan rakan sejawatan mereka dari Asia, kebanyakan mereka bekas tanah jajahan, walaupun masih ada sedikit bayangan yang tinggal.

Beliau juga gembira mendapati bahawa berbeza daripada apa yang dijangkakan sebelum ini, para pemimpin Eropah tidak membangkitkan isu-isu yang boleh menimbulkan perbalahan semasa ASEM. Ini turut menyumbang kepada suasana baik yang berlangsung sepanjang mesyuarat itu, katanya.

Ditanya mengenai reaksinya terhadap satu permintaan Eropah untuk diberi peluang seimbang bagi pelaburan di Asia, Dr Mahathir berkata tidak seharusnya ada sebarang syarat berkaitan pelaburan asing kerana terdapat kecenderungan untuk mengaitkan pelaburan dengan perkara-perkara lain.

Peluang persaingan yang seimbang itu hanya akan adil jika para pesertanya mempunyai saiz yang serupa, jika tidak pemain yang lemah harus

diberikan kelebihan.

Ditanya mengenai satu cadangan Filipina bagi isu-isu keselamatan turut dibincangkan dalam ASEM, beliau berkata sidang kemuncak itu telah menumpukan lebih kepada hubungan dagangan dan kebudayaan untuk merapatkan hubungan kedua-dua rantau dan mempereratkan persefahaman.

Katanya tidak banyak minat ditumpukan kepada perkara-perkara keselamatan sama ada ketegangan di Selat Taiwan ataupun mengenai Semenanjung Korea malahan juga isu Spratlys.

Mengenai defisit imbalan bayaran Malaysia, Dr Mahathir mengulangi bahawa ia bukan merupakan masalah yang tidak boleh diselesaikan kerana ia melibatkan sebahagian besarnya bil import bagi barangan modal dan perantaraan.

Penyelesaiannya, katanya, ialah bagi Malaysia meningkatkan eksport dan dalam beberapa perbincangan dua hala, beliau telah membangkitkan kepada beberapa pemimpin Eropah akan perlunya negara mereka mengimport lebih banyak daripada Malaysia.

Ditanya mengenai jurang budaya antara rakyat Eropah dan Asia, Dr Mahathir bersetuju terdapat perbezaan dalam sistem nilai kedua-dua pihak dan kedua-dua rantau perlu mengambil masa untuk mencapai persefahaman jelas nilai hidup masing-masing.

Beliau mengakhiri sidang berita itu dengan menyatakan bahawa setelah diambilkira semuanya "Nilai-nilai Asia merupakan nilai sejagat dan nilai Eropah merupakan nilai Eropah." -- BERNAMA

KCL AZZ RON